

MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT ANGGOTA SEKRETARIAT MARKAS TENTERA UDARA

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/2489-majlis-pemakaian-pangkat-anggota-sekretariat-markas-tentera-udara

KUALA LUMPUR, 29 Sep 17 – Ketua Pengarah Sekretariat, YBhg Brig Jen Dato' Hanafiah bin Hj Abdul Manaf TUDM telah menyempurnakan majlis pemakaian pangkat kepada tujuh orang anggota Sekretariat, Markas Tentera Udara di Bilik Mesyuarat Rajawali hari ini.

Anggota yang dinaikkan pangkat adalah Kpl U Hasbullah bin Harun yang dinaikkan ke pangkat Pangkuan Sarjan Udara. Manakala LUK Muhammad Nasrul bin Ishak, LUK Heston Anak John, LUK Mohd Shamsuri bin Rafaie dan LUK Muhamad Nor Hakim bin Noor Hasnan masing-masing dinaikkan ke pangkat Pangkuan Koperal Udara. Bagi kenaikan pangkat Laskar Udara Kanan pula ialah LU I Khairul Anuar bin Manap dan LU I Mohd Sufi Adid bin Rashidi.

Di majlis yang sama, Ketua Pengarah Sekretariat turut menyampaikan cenderahati sempena kelahiran anak kepada Sjn U Muhammad bin Zakaria, Kpl U Abdul Fattah bin Saadon dan Kpl U Ahmad Faizal bin Mohamad.







